

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU PENGUATKUASA	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK	
GRED	:	KP19	
KEKOSONGAN	:	6 (ENAM)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,360.00	RM4,052.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU PENGUATKUASA, KP19

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

(Gaji permulaan pada Gred KP19 ialah: RM1,360.00);

(ii) Bekas Polis atau Bekas Tentera

Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00)

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan ***(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40)***

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80)

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

5. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**SYARAT LANTIKAN
TAMBAHAN**

6. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- ✓ Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi Wanita tanpa bersepatu;
- ✓ Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi Wanita;
- ✓ Mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 sahingga 26;
- ✓ Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- ✓ Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- ✓ Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- ✓ Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

